

## MSN2019 platform galak anak muda ceburi bidang STEM

BERNAMA

2 August 2019



The screenshot shows the BERNAMA website header. It includes the BERNAMA logo, the text "Pastikan Benar", and the website name "Bernama.com". Below this is a navigation menu with categories: AM+, EKONOMI+, POLITIK+, SUKAN+, RENCANA+, DUNIA+, WEBTV, INFOGRAFIK, and ARKIB. A secondary menu lists "LAMAM MIKRO" topics: Perbankan & Kewangan, Kesihatan, Tenaga, Hartanah, and Gaya Hidup. A "TERKINI / LATEST" banner features the headline "Kadar pengangguran suku kedua 2019 kekal pada 3.3 peratus [ 5m ago ]". Below the banner is an advertisement for the "ENJOY CHEAPER ELECTRICITY BILLS VIA NEM PROGRAMME" with a "click for more info" button and a "SUKSES" seal.

### MSN2019 platform galak anak muda ceburi bidang STEM

Tarikh kemaskini: 02/08/2019



KUANTAN, 2 Ogos (Bernama) -- Penganjuran Minggu Sains Negara 2019 (MSN2019) menjadi platform memberi galakan dan inspirasi kepada lebih ramai golongan muda menceburi bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Pengerusi Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) Datuk Abu Samah Bachik berkata pemerkasaan dalam bidang STEM membolehkan pelajar mengejar kemajuan teknologi terkini selari dengan perkembangan dunia dan peluang pekerjaan masa depan.

"Pendidikan berasaskan STEM penting dalam kemajuan negara dan bagi memastikan Malaysia mencapai status negara maju, rakyat perlu peka dengan perkembangan sains, tenaga dan teknologi terkini di peringkat global.

"Pendedahan ini haruslah bermula dari peringkat awal, selain jumlah pelajar aliran sains perlu ditingkatkan yang mana kita berharap MSN2019 dapat mempromosikan bidang STEM bagi menarik minat lebih ramai generasi muda," katanya.

Abu Samah berkata demikian selepas perasmian MSN2019 Peringkat Negeri Pahang di Dewan Majlis Perbandaran Kuantan di sini hari ini, yang disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pendidikan dan Kesihatan negeri Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad.

Program dua hari yang bermula hari ini dengan tema 'Moh La Wei Berinovasi', merupakan anjuran bersama TPM dan kerajaan negeri Pahang, dengan penyertaan 23 gerai pameran berkaitan STEM selain pameran institusi pendidikan negara.

Abu Samah berkata pihaknya juga akan mempamerkan kepakaran dalam pelbagai bidang teknologi maklumat, sains komputer, sains botani dan kejuruteraan hijau di gerai eksplorasi STEM mereka.

"Pengunjung juga berpeluang untuk menyertai pertandingan Robotik Malaysia 'Make X' anjuran TPM dan Telaga Biru Holdings yang dimulakan sejak tahun 2016.

"Fokus pertandingan ini ialah nilai penting pendidikan STEM yang mana pemikiran kritis menjadi tunjang utama setiap individu dalam melaksanakan tugas dan menghadapi cabaran," katanya.

Sehubungan itu, Abu Samah berharap masyarakat di sini akan mengambil peluang menghadiri MSN2019, yang dibuka dari pukul 9.00 pagi sehingga 6.00 petang yang disifatkan sesuai untuk membudaya, menghayati dan mengaplikasi bidang STEM dalam kehidupan seharian.

-- BERNAMA